Berita Harian
AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA
No. 9096 ISNIN, 28 NOVEMBER, 1983 — 23 SAFAR, 1404 ★★ 35 SEN KDN 0004/83

ARKIB N

Risda diminta he ceroboh tanah P

BATU PAHAT, Ahad — Risda diminta menghentikan segera "pencerobohan" terhadap 15,473 hektar tanah milik Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) atau menghadapi tindakan mahkamah.

Risda juga diminta memulangkan kembali hasil $5,457,609 dari 10 ladang kelapa sawit dan getah PKPKM sejak tahun 1972 hingga 1979.

Di samping itu, pihak berkuasa itu juga diminta menyediakan laporan lengkap mengenai hasil pungutan ladang-ladang PKPKM itu bagi tahun 1979 hingga 1983.

Setiausaha Agung PKPKM, Dr Haji Mohd Rashid Ahmad berkata, Risda diberi tempoh hingga 13 Disember depan untuk menjelaskan semua penyata hasil pendapatan serta kedudukan hakmilik 10 ladang PKPKM itu.

Katanya, tarikh itu dipilih kerana dua hari kemudiannya mesyuarat agung tahunan kali ketiga PKPKM akan diadakan di Kuala Lumpur dan soal itu dijangka menjadi tumpuan utama.

"Sekiranya Risda enggan bekerjasama menyelesaikan masalah itu, kami akan mengkaji kemungkinan membawa kes itu ke mahkamah supaya keraguan di langan 8,000 ahli de diatasi," katanya.

Dr Mohd Rashid ber ta demikian di mesyua penubuhan Koperasi dang Pekebun-Peke Kecil Malaysia cawang Batu Pahat di Asra Anak Yatim di sini ser lam.

PKPKM mendakwa, da sudah memungut

Suara2 sumbang untuk melemahkan Umno

PM: Rakyat cuba dikelirukan

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

BAGAN DATOH, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mendedahkan, ada suara-suara sumbang dari golongan tertentu yang cuba mengelirukan rakyat supaya Umno menjadi lemah dan berpecah-belah.

Golongan ini, kata beliau, termasuk segelintir ahli Umno sendiri yang mahu menghancurkan Umno dengan pelbagai cara, sehingga parti lain turut menangguk di air keruh.

"Saya dan pemimpin-pemimpin Umno lain turut gelisah dengan suara-suara sumbang ini," katanya di hadapan kira-kira 30,000 penyokong Barisan Nasional di padang Selekoh untuk merasmikan Dewan Pelbagai Guna Rungkup, dekat sini, petang ini.

'Mematikan'

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional menegaskan, Umno tetap berpegang teguh kepada sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, seperti yang diamalkan sekarang.

"Kami, di peringkat pemimpin, tidak berniat langsung untuk mengubah sistem itu tetapi kalau ada kecacatan ia harus diperbetulkan dari masa ke semasa," katanya lagi.

Parti Pas, katanya, turut mengelirukan rakyat dengan menuduh Umno cuba menghancur atau 'mematikan' orang-orang Melayu. "Mereka mendakwa Umno membuat pindaan Perlembagaan untuk mengubah sistem demokrasi berpalimen," katanya.

Dakwaan ini, tegas Perdana Menteri, adalah salah kerana Umno dan Barisan Nasional sentiasa bertanggungjawab untuk memberi kebahagian kepada rakyat.

Tegasnya, Umno akan terus berjuang untuk mencapai cita-cita itu. "Dalam soal ini, rakyat mesti bersatu padu untuk mencapai cita-cita itu," jelasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir sekali lagi mengulangi bahawa beliau akan mengabdikan diri untuk terus berkhidmat selagi diperlukan oleh rakyat.

Mencabar

Kata-kata beliau itu disambut dengan laungan sebilangan hadirin dengan kata-kata bersemangat 'Hidup Mahathir' dan 'Kami Mahu Mahathir'.

Beliau menegaskan: "Kita telah banyak dijajah. British dan Jepun sudah menjajah kita, dan setelah kita merdeka, sistem demokrasi yang kita amalkan banyak menentukan nasib kita.

"Dalam hal ini, pemimpin mesti bertanggungjawab kepada rakyat kerana rakyat akan menentukan apa yang mereka lakukan setiap lima tahun sekali," katanya lagi.

DATUK Seri Dr Mahathir dipeluk erat tanda kasih oleh seorang dari ribuan rakyat yang menunggu ketibaannya di Padang Selekoh semalam. — Gambar Berita Harian oleh KHALID REDZA.

Gerak-geri orang2 tertentu diawasi

KUALA LUMPUR, Ahad — Polis Cawangan Khas sedang mengawasi pihak-pihak tertentu yang hendak menggunakan keadaan tegang sekarang berikutan soal pindaan perlembagaan.

Menurut sumber-sumber Majlis Keselamatan Negara di sini, pengawasan itu adalah langkah biasa dan setakat ini tiada perkara buruk yang dilaporkan.

Berita Harian difahamkan, kerja-kerja pengawasan itu khususnya diarahkan kepada parti-parti pembangkang yang ada di antaranya, telah pun membuat keputusan untuk 'menangguk di air keruh'.

Selain itu, pihak Cawangan Khas juga sedang memerhati gerak-geri diplomat-diplomat dari beberapa buah negara di sini.

Pindaan: Anwar kecam pemimpin yang diam diri

Oleh ZULKEFLI ABU

KUALA PILAH, Ahad — Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim hari ini mendedahkan, ada pemimpin Umno yang hanya berdiam diri berhubung dengan soal pindaan perlembagaan dengan harapan mereka memperolehi faedah dalam keadaan sekarang.

Mereka cuma berdiam diri dan tidak mahu menyatakan pendirian masing-masing, malah ada sebilangan mereka yang suka melihat Perdana Menteri jatuh tersungkur dari kedudukannya, tegas beliau lagi.

Encik Anwar yang juga Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan berkata: "Kita telah mengenal mutu pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir yang ingin menebus maruah bangsa, dengan itu kita mesti menyokong tanpa berbelah bagi."

Pergerakan Pemuda, kata beliau, akan tetap menyokong penuh tindakan Perdana Menteri dalam menyelesaikan soal itu kerana beliau tidak berniat untuk mencari kepentingan diri sendiri.

Beliau berkata, pindaan perlembagaan dibuat bukan kerana ada pertentangan rakyat dan raja, tetapi ia perlu dilaksanakan bagi melicinkan pentadbiran negara dan membetulkan kesamaran yang ada dalam perlembagaan itu.

Encik Anwar menerangkan, perlembagaan negara adalah dicipta oleh manusia dan sudah tentu boleh dipinda dari masa ke semasa mengikut keperluaannya.

Sebelum ini, katanya, beberapa kandungan perlembagaan telah dipinda oleh beberapa Perdana Menteri terdahulu semata-mata untuk kebaikan rakyat terkemudian.

"Jadi tidak ada sebab pindaan yang dibuat sekarang tidak boleh diselesaikan," tegas beliau.

Berucap merasmikan kursus Politik dan Penerangan anjuran Pergerakan Pemuda Umno Kuala Pilah di sini pagi ini, Encik Anwar menjelaskan, masa depan negara ditentukan oleh daya tahan rakyatnya menghadapi satu-satu keadaan.

"Rakyatlah yang mendapatkan kemerdekaan negara ini dan bukannya golongan bangsawan," tegas Encik Anwar.

Tambahnya, kemerdekaan politik negara ini diperolehi dari penjajah Inggeris bukannya dari Raja-Raja Melayu.

Menurut beliau, kalangan Raja-Raja sendiri telah mengalah dengan tuntutan Inggeris terhadap gagasan Malayan Union.

ANTARA YANG MENARIK

Awang Jabar dedah 5 hujah Pas kata Umno 'kafir' — Muka 19

Kassim Ahmad sambung polemik Islam dan sosialisme — Muka 10

Umno Bruas nafi tak sokong pindaan — Muka 2

Dua lelaki bersenjata cuba serang janda Aquino — Muka 7

176 terkorban dalam nahas udara — Muka 6

7 negeri sedia tanah untuk kawasan industri Bumiputera — Muka 16

MB kata Muzium setuju serah meriam — Muka 20

Johor luluskan peruntukan tambahan $1 juta

KUALA LUMPUR, Ahad — Dewan Undangan Negeri Johor yang menamatkan persidangannya semalam meluluskan peruntukan tambahan $1 juta bagi menampung perbelanjaan perkahwinan Diraja Johor yang berlangsung tiga hari tiga malam pada 19 September lalu.

Peruntukan itu dimasukkan di bawah Kepala B 6 — Perkhidmatan Iktisas dan lain-lain perkhidmatan.

Sehingga ini Kerajaan Negeri belum lagi dapat menentukan berapakah jumlah sebenar yang dibelanjakan untuk majlis perkahwinan Diraja itu kerana urusan-urusan menjelaskan berbagai perbelanjaan belum selesai.

Bertandang

Majlis diadakan di Johor Baharu ialah istiadat bertandang sempena perkahwinan Tengku Mahkota Johor dengan puteri bongsu Sultan Perak, Raja Zarith Sofiah.

Perasandingan antara Tengku Mahkota Johor dan Raja Zarith Sofiah dilangsungkan secara besar-besaran dan warna warni mengikut adat istiadat kebesaran Diraja Johor di perkarangan Istana Besar disaksikan oleh lebih 5,000 orang tetamu.

Antara pembesar yang hadir ialah Sultan-Sultan Perak, Kedah dan Terengganu, Raja Perlis, Pemangku Sultan Pahang, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam.

Pembesar luar negeri termasuk Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew, adinda Sultan Brunei dan isteri Gabenor Hawaii.

Sempena perkahwinan diraja itu juga Kerajaan Perak pula mengadakan sambutan keralan selama 40 hari 40 malam.

Sementara itu, dalam persidangannya semalam juga Dewan meluluskan sebulat suara Rang Undang-Undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 1983.

Dengan pindaan itu angka $870,000 dalam Kelas 111 Jadual Enakmen asal (Enakmen Peruntukan Diraja 1960) menjadi $1.42 juta. — Bernama.

KETUA PA

KOTA BHARU, Ahad — Pengerusi Tetap Dewan Pemuda Pas Nilam Puri, Encik Zainal Abidin Mat Yusof menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menyelesaikan isu mengenai pindaan per-

Membeli belah awal di tempat kami.

KANAK-KANAK
* Pakaian Budak Perempuan
H. Biasa $14.90 — $19.90 Kini $10.00
* Kemeja-T Budak Lelaki
H. Biasa $11.90 — $17.90 Kini $7.90 — $9.90
* Blaus & Skirt Budak Perempuan
H. Biasa $11.90 — $14.90 Kini $5.90

LELAKI
* Kemeja Space Man L/Panjang
H. Biasa $42.90 — $45.90 KINI $29.90
H. Biasa $39.90 — $42.00 KINI $32.90
* Kemeja Trufit L/Panjang Potongan 10%
* Kemeja Hawaiian H. Biasa $32.90 Kini $19.90
* G.Q., LEVIS
Kemeja-T (Stail Pilihan)
H. Biasa $30.00 — $33.90 KINI $26.90
Jean dan Seluar Slack KINI $29.00 saja

LINGKUNGAN PILIHAN PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH RENDAH & MENENGAH.

Sharafali's
Kedai Pakaian Bermutu Yang Mengutamakan Keluarga Anda
59-61, Jalan Tuanku Abdul Rahman
Kuala Lumpur Tel: 983562
Waktu berniaga: 10.00 pagi — 7.00 mlm.

Sahabat anda, sang harimau, men kemudahan mengeluarkan wang sebanyak $1,500 dari sebarang caw

Pergilah ke sebarang cawangan Malayan Banking. Anda akan dapati bahawa anda dapat mengeluarkan sebanyak $1,500 dengan serta merta. Tak kira di cawangan mana anda mempunyai akaun simpanan anda.

Jika anda mempunyai akaun semasa di cawangan yang berkomputer, anda dapat menikmati kemudahan mengeluarkan wang sebanyak $1,500 di semua cawangan kami yang berkomputer.

Dengan rangkaian cawangan yang terbesar di Malaysia, sahabat anda, sang harimau, menyediakan perkhidmatan ini untuk memberi kemudahan yang lebih kepada anda di mana saja anda berada.

Bukalah akaun di Malayan Banking sekarang dan keteguhan, keselamatan dan perlindungan yang di anda, sang harimau.

JUMLAH HARTA MELEBIHI 14.1 RIBU JUTA RINGGIT.
LEBIH 170 CAWANGAN DI MALAYSIA DAN SEBERANG LAUT.
LEBIH 1.5 JUTA PEMEGANG AKAUN.
KUMPULAN BANK YANG TERBESAR DI MALAYSIA, MENGANDUNGI BANK PERNIAGAAN, BANK SAUDAGAR DAN SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN, PAJAKAN DAN INSURANS.

MALAYAN BANKING BERHAD
Kumpulan Bank Yang Terbesar di Malaysia